



PERUTUSAN DATUK BANDAR

MESYUARAT MAJLIS BIL. 11/2025

ISNIN, 24 NOVEMBER 2025 (3 JUMADAL AKHIRAH 1447H)

DEWAN BUNGA TANJUNG, PETALING JAYA

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Malaysia MADANI, Salam Kita Selangor dan Salam Petaling Jaya
Bandar Paling Bahagia dan Mampan.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi di atas segala limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama menghadiri Mesyuarat Majlis pada hari ini. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, keluarga Baginda, para sahabat dan bagi mereka yang mencontohi Baginda SAW.

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri, Penyelaras DUN Taman Medan, Ahli-ahli Majlis, Timbalan Datuk Bandar, Timbalan Setiausaha Pengurusan, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai serta warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya atas kerjasama yang baik diberikan kepada saya dalam mentadbir urusan bandar raya Petaling Jaya.

Saya amat berharap, sokongan dan komitmen yang tuan/puan berikan ini sentiasa berterusan dalam usaha kita untuk menyediakan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat khususnya penduduk Petaling Jaya.

2. INTEGRITI TERAS KESEJAHTERAAN NEGARA

Sambutan Bulan Integriti Nasional 2025 diadakan setiap 5 November adalah sebagai satu usaha berterusan bagi memperkukuh budaya integriti dalam kalangan penjawat awam, sektor swasta dan masyarakat yang menekankan kepentingan nilai amanah, kejujuran, ketelusan dan akauntabiliti dalam setiap aspek kehidupan dan perkhidmatan.

Tema **Integriti Teras Kesejahteraan Negara** telah diangkat sebagai tema pada tahun ini. YAB Perdana Menteri ketika berucap dalam Persidangan Antarabangsa Tadbir Urus & Integriti, menegaskan bahawa integriti merupakan asas terpenting dalam membina sebuah pentadbiran yang diyakini rakyat dan bebas daripada sebarang bentuk salah laku. Beliau turut menekankan bahawa rasuah bukan hanya ancaman moral, tetapi menyekat pembangunan ekonomi dan kestabilan negara.

Setiap penjawat awam dan pemimpin semua peringkat harus mengamalkan nilai kejujuran, ketelusan serta akauntabiliti dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan. YAB Perdana Menteri juga turut mengingatkan usaha memperkukuh integriti bukan

hanya tugas kerajaan, akan tetapi memerlukan penyertaan semua pihak agar budaya menolak rasuah dan penyelewengan dapat diperkukuhkan.

Bersempena dengan bulan integriti nasional, Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan menganjurkan sambutan Hari Integriti dan Hari Anti Rasuah Antarabangsa (HARA) tahun 2025 pada 8 Disember 2025. Sambutan ini merupakan komitmen MBPJ yang berterusan untuk memupuk nilai-nilai murni dalam masyarakat, terutamanya dalam pendidikan dari peringkat kanak-kanak hingga remaja sebagai agen perubahan dan menjadikan integriti sebagai budaya hidup dan amalan kerja seharian. Selain itu, ia juga memperkukuh pemahaman tentang integriti, bahaya rasuah di peringkat lebih kompleks.

Sambutan ini diharap dapat menyatukan usaha semua pihak dalam membina persekitaran yang lebih telus, berakauntabiliti dan bebas salah laku. Semoga usaha ini menjadi pemangkin kepada kesejahteraan rakyat serta kemajuan Malaysia secara menyeluruh.

3. MBPJ PERKUKUH PENGURUSAN TENAGA LESTARI KE ARAH BANDARAYA RENDAH KARBON 2030

Majlis Bandaraya Petaling Jaya mengorak langkah dalam agenda kelestarian bandar dengan melancarkan Pelan Tindakan Bangunan Rendah Karbon Petaling Jaya 2025–2035, sekali gus memperkukuh status Bandaraya Rendah Karbon 2030.

Peluncuran pelan ini menandakan satu lagi detik penting dalam transformasi bandar hijau, khususnya dalam mempertingkatkan kecekapan tenaga bangunan melalui pematuhan piawaian dan penggunaan teknologi pemantauan tenaga secara sistematik.

Usaha ini telah dilaksanakan secara berfasa sejak tahun 2016 melalui pelaksanaan amalan pengurusan tenaga di bangunan Ibu Pejabat MBPJ, yang difasilitasi oleh SIRIM Berhad, organisasi korporat milik penuh Kerajaan Malaysia di bawah Kementerian Kewangan Incorporated.

Kejayaan projek perintis tersebut mendorong MBPJ untuk menjalin kerjasama bersama Sustainable Energy Development Authority (SEDA) Malaysia pada tahun 2018 hingga 2019, bagi merangka program strategik yang lebih menyeluruh.

Kerjasama ini dimeterai secara rasmi pada tahun 2020 untuk tempoh tiga tahun (2020–2023), menjadikan SEDA sebagai fasilitator utama dalam Program Pengurusan Tenaga Lestari. Program ini menekankan pematuhan Piawaian Malaysia Standard MS: 1525 serta pelaksanaan inisiatif tenaga boleh baharu (TBB) sebagai sokongan terhadap matlamat rendah karbon. Pendekatan Menyeluruh dan Berimpak Tinggi Program Pengurusan Tenaga Lestari MBPJ berteraskan lima (5) sub-kriteria utama iaitu:

- a) Pembangunan Kapasiti
- b) Pengurusan Tenaga
- c) Audit Tenaga
- d) Sistem Pemantauan Dalam Talian
- e) Bangunan Rendah Karbon

Kombinasi kelima-lima elemen ini membolehkan MBPJ meningkatkan kecekapan tenaga secara terancang, sistematik dan berimpak tinggi. Sebagai pihak berkuasa tempatan yang proaktif, MBPJ menyokong aspirasi Kerajaan Persekutuan untuk mengurangkan intensiti karbon sebanyak 45 peratus menjelang tahun 2030.

Dalam konteks tempatan, MBPJ turut menyasarkan pengurangan karbon sebanyak 33 peratus di Petaling Jaya, selaras dengan *PJ Climate Action Plan 2030* berdasarkan pengukuran pelepasan gas rumah kaca (GHG) tahun 2021.

Sejak 2015, MBPJ telah membangunkan pelan strategik berkaitan termasuk Pelan Pengurusan Karbon MBPJ 2015–2020, Pelan Tindakan Bandar Rendah Karbon 2015–2030, Petaling Jaya Smart, Sustainable & Resilient (PJSSR) 2030, *PJ Climate Action Plan* dan terkini Pelan Tindakan Bangunan Rendah Karbon 2025–2035 yang menjadi rangka kerja penting ke arah transformasi Bandaraya Hijau dan Lestari.

4. PEMBANGUNAN BANDAR INKLUSIF DAN SELAMAT UNTUK GENERASI MASA HADAPAN

Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan kerjasama UNICEF Malaysia, telah menganjurkan *Petaling Jaya International Child Friendly Cities Expo 2025* dengan menghimpunkan pemimpin bandar, arkitek dan perancang, pengamal industri serta wakil komuniti bagi memperkasa agenda bandar mesra kanak-kanak di peringkat tempatan dan serantau.

Agenda ini berkisar tentang kadar perbandaran yang pesat menjadikan pembangunan inklusif dan keselamatan kanak-kanak sebagai keutamaan semua pihak. Lebih separuh kanak-kanak di dunia kini tinggal di kawasan bandar, manakala di Selangor, angka tersebut melebihi 90 peratus. Justeru, reka bentuk bandar, tadbir urus dan penyelenggaraan persekitaran urban memberi kesan besar terhadap kesejahteraan, peluang dan masa depan kanak-kanak.

Komitmen Kerajaan Negeri Selangor melalui pelbagai dasar berimpak tinggi, termasuk **Dasar dan Pelan Tindakan Pembangunan Kanak-Kanak Selangor 2022–2025**, memberi penekanan kepada pembangunan inklusif, penyertaan kanak-kanak, sokongan awal kanak-kanak, perlindungan daripada risiko, serta akses sama rata kepada perkhidmatan di kawasan bandar dan pinggir bandar.

Dasar tersebut diperkukuh melalui inisiatif pemberdayaan wanita dan keluarga, program kesihatan mental serta Dasar Ekonomi Penjagaan Selangor (2024–2025), dasar pertama di Malaysia yang mengiktiraf sektor penjagaan sebagai tonggak sosial dan pemacu ekonomi.

Melalui dasar ini, PBT digalakkan membangunkan Pelan Tindakan Ekonomi Penjagaan masing-masing bagi menyokong keluarga, penjaga, ibu bapa bekerja dan kanak-kanak yang mempunyai keperluan pelbagai.

MBPJ kekal sebagai satu-satunya PBT di Malaysia yang menerima pengiktirafan UNICEF sebagai **Bandar Mesra Kanak-Kanak untuk dua tahun berturut-turut** — satu pencapaian yang mencerminkan komitmen berterusan dalam memperjuangkan hak dan kesejahteraan kanak-kanak.

Usaha MBPJ bukan sekadar memenuhi piawaian, malah mengarusperdanakan agenda kanak-kanak dalam perancangan bandar, sistem mobiliti, penyediaan infrastruktur awam dan pembangunan komuniti. Antara inisiatif utama termasuk penubuhan Majlis Kanak-Kanak PJ, penyediaan laluan sekolah yang lebih selamat, taman permainan inklusif, perpustakaan komuniti dan perpustakaan permainan, hentian bas mesra kanak-kanak serta pendekatan pembangunan bandar secara partisipatif bersama kanak-kanak.

MBPJ turut membangunkan Pelan Tindakan Ekonomi Penjagaan Petaling Jaya bagi memperkukuh penjagaan berasaskan komuniti serta memperluas akses perkhidmatan penjagaan di kawasan kejiranan, sekali gus menyokong keluarga, penjaga dan ibu bapa bekerja.

5. GERAN KOMUNITI PETALING JAYA

Geran Komuniti Petaling Jaya Mampan atau PJ SEED 7.0 merupakan geran permulaan perlaksanaan projek dan program di Petaling Jaya yang boleh meningkatkan prestasi MBPJ dalam bidang 10 Tematik yang ditawarkan kepada persatuan penduduk, rukun tetangga, IPT awam dan swasta, sekolah, NGO dan agensi-agensi luar yang layak.

Berdasarkan ini, MBPJ telah memperuntukan RM 700,000.00 untuk disalurkan kepada projek/program yang terpilih. Bagi tahun 2025 MBPJ telah menerima sebanyak 93 permohonan daripada pelbagai pihak. Daripada jumlah itu, selepas melalui proses penilaian yang ketat, MBPJ telah meluluskan 27 permohonan dengan peruntukan terkumpul RM 513,360.00 iaitu 73.34 peratus daripada keseluruhan peruntukan tahun 2025. MBPJ berharap agar projek/program yang telah diluluskan ini dapat dilaksanakan mengikut objektif yang telah ditetapkan.

6. MBPJ RANGKUL ANUGERAH DI ASIA PACIFIC CEO SUSTAINABILITY AWARDS 2025

MBPJ telah memenuhi jemputan penerimaan anugerah dan penyertaan ke *Asia Pacific Sustainability Conference & Asia Pacific CEO Sustainability Awards 2025* di Royal Tulip, Bali, Indonesia. Empat anugerah yang diterima oleh MBPJ dan Datuk Bandar serta dua orang pegawai MBPJ adalah seperti berikut :

- a) Certificate of Collaboration Between Sustainix and Petaling Jaya City Council
- b) Sustainability Champion Award (Datuk Bandar Petaling Jaya, YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon)
- c) Sustainability Champion Award (Tuan LAr. Dr Badruzaman bin Jaafar, Pengarah Landskap)
- d) Outstanding Sustainability Practices Award (Puan LAr. Nurbaiti bte Abd. Wahab, Penolong Pengarah Kanan Jabatan Landskap)

Persidangan yang dianjurkan oleh SustNET (Sustainable Business Network Association Malaysia) yang bertemakan *Biodynamics and Food Security: Cultivating Resilience for a Sustainable Future* merupakan platform strategik yang menghimpunkan pembuat dasar, pakar industri, akademik dan pengamal teknologi hijau bagi membincangkan hala tuju menangani isu perubahan iklim, keselamatan makanan, dan transformasi bandar rendah karbon

Penyertaan ini bukan sahaja pengiktirafan antarabangsa terhadap pencapaian MBPJ, malah turut memperkukuh kedudukan Kerajaan Negeri Selangor sebagai peneraju bandar pintar, hijau dan rendah karbon di rantau Asia Pasifik.

Penyertaan MBPJ ke persidangan ini juga merupakan langkah strategik untuk memperkukuhkan pelaksanaan PJSSR 2030, di samping memperluas jaringan antarabangsa dalam bidang inovasi hijau, keterjaminan makanan bandar (urban food security), biodinamiks dan ekonomi kitaran (circular economy).

Datuk Bandar MBPJ turut diberi penghargaan sebagai Penyampai Ucapnama dengan sesi pembentangan dan pengenalan pelbagai inisiatif MBPJ dalam melaksanakan program-program keterjaminan makanan di Petaling Jaya seperti program **Komuniti Kebun Kita @ PJ, Pusat Inovasi, Kajian & Pembelajaran Pertanian Bandar di Kelana Jaya** dan **PJ City Food Valley**.

7. MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA RAIH GOLD AWARD

Tahniah dan syabas kepada Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Trailblazers yang melakar kejayaan cemerlang meraih *Gold Award* menerusi inovasi RondaPJ di International Convention on Quality Control Circles (ICQCC) 2025 yang berlangsung di Taipei International Convention Centre (TICC), Taipei, Taiwan.

ICQCC merupakan platform tahunan yang menghimpunkan pengamal inovasi dari seluruh dunia untuk berkongsi idea dalam mempertingkatkan produktiviti serta budaya inovasi dalam organisasi.

MBPJ turut menerima penghargaan yang terkini seperti berikut :

NAMA ANUGERAH / PENGIKTIRAFAN	PERINGKAT	TARIKH DITERIMA
Anugerah Bandar Mampan 2025, Program Pengukuran Bandar Mampan (MURNInets)	Negeri	8/11/2025
Naib Johan Anugerah PBT Cemerlang (Bandaraya), Anugerah Kecemerlangan Menteri KPKT 2025	Kebangsaan	8/11/2025
Grand Award 43 rd MSOSH Award 2025	Kebangsaan	13/11/2025
Special Recognition Award for Government & Technical Agencies in Selangor	Negeri	20/11/2025
Special Recognition Award for Government & Technical Agencies in Selangor	Negeri	20/11/2025

Alhamdulillah

Sekian, terima kasih.